



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

YB TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA TURUN PADANG TINJAU PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR DAN PROJEK PEMBANGUNAN DI DAERAH KULAI

KULAI, JOHOR – KULAI, JOHOR – Timbalan Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Datuk Seri Dr Ahmad Maslan hari ini telah turun padang bersama pegawai dari Kementerian Kerja Raya (KKR) serta Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Kulai bagi meninjau keadaan penyelenggaraan infrastruktur serta kemajuan projek-projek pembangunan di sekitar daerah ini.

2. Lawatan ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memastikan keperluan rakyat sentiasa diberi perhatian, khususnya berkaitan penyelenggaraan jalan dan kemudahan awam yang menjadi nadi kepada kehidupan harian masyarakat setempat.
3. JKR Daerah Kulai memaklumkan bahawa pihaknya sentiasa komited dalam memastikan penyelenggaraan dan pembangunan infrastruktur awam dilaksanakan dengan cekap, selamat dan berkualiti. Skop penyelenggaraan melibatkan Jalan Negeri dan Jalan Persekutuan sepanjang kira-kira 200 kilometer, merangkumi kerja penyelenggaraan rutin, berkala turapan dan bukan turapan, sistem saliran, pembedung lintasan serta cerun.
4. Bagi tahun 2026 sehingga April, JKR Daerah Kulai telah menerima peruntukan sebanyak RM19 juta berbanding RM25 juta pada tahun 2025 bagi memastikan tahap keselamatan, keselesaan serta kelancaran trafik sentiasa terpelihara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM220,000 diperuntukkan khusus bagi penyelenggaraan Jalan Persekutuan termasuk pembaikan permukaan jalan, sistem perparitan serta penambahbaikan perabot jalan dan papan tanda bagi meningkatkan ciri keselamatan jalan.
5. Selain itu, sebanyak empat (4) projek pembangunan sedang dilaksanakan di bawah seliaan JKR Daerah Kulai dengan nilai keseluruhan RM46,878,150.23, melibatkan pembinaan semula bangunan daif di SK Taman Sri Pulai, penggantian Jambatan FT001/056/40 di Ulu Pontian Besar, pembinaan dewan serbaguna di SK Senai Utama serta pembinaan sekolah baharu di SK Taman

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur

f @ X d KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

Kempas Indah, Johor Bahru.

6. Dalam masa yang sama, dua (2) projek pembinaan blok sementara bagi sekolah berkepadatan tinggi melalui Modul Ringkas Sementara (MRS) di SMK Taman Putri dan SK Kangkar Pulai 2 sedang dalam proses perolehan dan dijangka memulakan pembinaan pada akhir Mei 2026 dengan nilai keseluruhan RM2.4 juta.
7. Berdasarkan tinjauan yang dilaksanakan, kerja-kerja penyelenggaraan dan pelaksanaan projek berjalan seperti dirancang. Penekanan turut diberikan kepada aspek pemantauan berterusan bagi memastikan semua projek disiapkan mengikut jadual, kos dan kualiti yang ditetapkan demi manfaat rakyat.
8. Kementerian Kerja Raya melalui JKR akan terus memperkukuh penyampaian perkhidmatan serta meningkatkan mutu penyelenggaraan infrastruktur selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI yang menekankan kesejahteraan, kemampanan dan keprihatinan terhadap rakyat.

#TAMAT#

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
13 APRIL 2026**

#KKR
#KearahKesejahteraanRakyat
#KerajaanMADANI
#MADANIBekerja
#KerajaanMADANIrakyatdisantuni